

[HADITH PALSU] HADITH YANG MELARANG MEMAKAI PEWARNA HITAM UNTUK RAMBUT DSB SEMUANYA PALSU, CONTOHNYA, “WARNAKAN RAMBUT HITAM TIDAK CIUM BAU SYURGA”



<https://youtu.be/sqbh30R0czg>

VIDEO – [Durasi – 16m 21s] – [HADIS PALSU] – Warnakan Rambut Hitam Tak Cium Bau Syurga?

[HADITH PALSU] HADITH YANG MELARANG MEMAKAI PEWARNA HITAM UNTUK RAMBUT DSB SEMUANYA PALSU, CONTOHNYA, “WARNAKAN RAMBUT HITAM TIDAK CIUM BAU SYURGA”

[00:15:30] – NOTA

1. Sahabat-sahabat Nabi s.a.w. berkhidab dengan khidab berwarna hitam. Ini ada sebesar-besar bukti bahawa ianya tidak tercela malah ianya adalah sunnah.
2. Ibnu Jauzi menulis sebuah kitab tentang harusnya berkhidab dengan khidab berwarna hitam dan beliau sendiri mengamalkannya.

CONTOH-CONTOH HADITH PALSU

1. [00:02:49] – HADITH PALSU PERTAMA

“Sesungguhnya Allah s.w.t. tidak akan memandang pada hari kiamat nanti kepada orang yang berkhidab dengan khidab berwarna hitam” [Hadith ini terdapat dalam kitab Tabaqat al-Kubra (Ibnu Saad) dan kitab Jam’ul Jawami’ (as-Suyuti)]

[00:03:33] – KOMENTAR HADITH PALSU PERTAMA

Perawi-perawi hadith ini adalah dhaif dan hadith ini adalah mursal (terputus sanadnya). Hadith sebegini tidak boleh dijadikan sandaran dalam perkara-perkara berkaitan aqidah.

2. [00:04:24] – HADITH PALSU KEDUA

Rasulullah s.a.w. kononnya bersabda, “Sesiapa berkhidab (memakai pewarna) dengan khidab hitam Allah akan menghitamkan wajahnya di hari kiamat nanti” [Hadith ini terdapat di dalam kitab-kitab yang mengumpulkan hadith maudhu’ tulisan Ibnu Abi Hatim, Ibnu ‘Adi Dan Ibn Shahin]

[00:05:08] – KOMENTAR HADITH PALSU KEDUA

Hafidz Ibnu Hajar berkata perawi-perawi hadith ini lemah. Abu Hatim berkata hadith ini maudhu’ (palsu).

3. [00:05:49] – HADITH PALSU KETIGA

Ibnu Abbas meriwayatkan, kononnya, Nabi bersabda, “Akan ada satu golongan di akhir zaman mereka akan berkhidab dengan pewarna hitam seperti tembolok-tembolok burung merpati. Mereka tidak akan mendapat bau syurga”. [Riwayat ini ada dalam kitab-kitab utama hadith seperti Musnad Imam Ahmad, Sunan Abi Daud dan Sunan an-Nasa’i]

[00:07:09] – KOMENTAR HADITH PALSU KETIGA

i) Hadith ini agak kuat kerana ianya ada dalam kitab-kitab hadith yang utama walaupun tiada dalam kitab setinggi Sahih al-Bukhari dan Muslim. Ada ulama’ yang menerima hadith ini sebagai sahih dan mengharamkan penggunaan khidab berwarna hitam.

ii) Tetapi apabila diteliti, kalau diandaikan hadith ini sahih, hadith ini sebenarnya menceritakan tentang keadaan satu golongan yang sesat di akhir zaman yang dikenali dengan identiti mereka yang berkhidab hitam. Ianya tidak menunjukkan bahawa berkhidab hitam itu sendiri tercela, tetapi semata-mata hanya sebagai tanda pengenalan golongan sesat tersebut.

iii) Bukti bahawa berkhidab hitam tidak tercela ialah ramainya Sahabat-sahabat Nabi yang berkhidab hitam dan ianya diterima baik pada zaman mereka.

4. [00:14:32] – HADITH PALSU KEEMPAT

Ibnu Umar meriwayatkan, katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Kuning adalah khidab orang mukmin, merah adalah khidab orang muslim dan hitam adalah khidab orang kafir”. [Riwayat ini terdapat di dalam Mu’jam al Kabir at-Tabrani dan Mustadrak al-Hakim]

[00:15:13] – KOMENTAR HADITH PALSU KEEMPAT

Az-Zahabi, al-Iraqi dan Abu Hatim mengatakan hadith ini mungkar.

VIDEO PENUH ASAL – https://youtu.be/tL8G7L_rtdI